



MAHASISWA dan mahasiswi UPMKB menguruskan barang yang diinfakkan untuk program Infaq Perdana.

Cakna urus sisa elektrik, elektronik

BINTULU: Mahasiswa dan mahasiswi Kursus Bakti Siswa Kumpulan 3, Semester Kedua Sesi 2023/2024 Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menjayakan Program Putra Bakti: Putra Eco Iftar di Pusat Islam UPMKB pada 15 dan 16 Mac lepas.

Menurut kenyataan daripada UPMKB, program yang diadakan dengan kerjasama Bahagian Perpustakaan UPMKB dan Jawatankuasa Pusat Islam UPMKB itu mendapat sambutan baik daripada warga kampus dan komuniti sekitar Bintulu.

Pengarah Program, Muhammad Shahiddin Rosli dalam kenyataan itu berkata, program kali ini mengangkat tema alam sekitar yang memfokuskan aktiviti berkonsepkan kelestarian hijau dan membina kemahiran insaniah para peserta.

"Peserta didedahkan dengan pengetahuan pengurusan sisa elektrik dan elektronik agar lebih cakna dan dapat mem-

beri sumbangan dalam kesejahteraan alam sekitar melalui pelbagai kaedah," katanya.

Sementara itu, program Infaq perdana yang berlangsung dari 16 Mac sehingga 7 April depan dilihat memberi peluang kepada warga kampus dan komuniti Bintulu amnya untuk menginfakkan barangan atau pakaian bagi mereka yang memerlukan.

Ketua Bahagian Perpustakaan, Awang Ahmad Faizi Awang Dahlan berkata, Infaq Perdana merupakan aktiviti tahunan Perpustakaan apabila menjelang bulan Ramadan.

"Apa yang menarik, pada tahun ini, ia dianjurkan dengan kerjasama Pelajar Bakti Siswa UPMKB bersama Jawatankuasa Pusat Islam dan diadakan di ruangan yang lebih besar dan terbuka kepada seluruh masyarakat sekitar Bintulu.

"Sambutan yang diterima sangat menggalakkan dan akan diteruskan pada masa akan datang," ujarnya.